

CABARAN PABM EDISI KE-10 BERMULA



**SAIFULIZAM
MOHAMAD**

rencana@utusan.com.my

Hari ini bermulalah cabaran 47 peserta Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2016 yang akan diadakan di Hotel RHR@Uniten, Bangi. Kesemua mereka akan bertanding di peringkat saringan sebelum melangkah ke suku akhir pada keesokannya di lokasi yang sama.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan iaitu kategori Alam Melayu melibatkan 10 peserta; kategori antarabangsa (20 peserta) dan kategori pelajar antarabangsa di Malaysia (17 peserta).

Bagi kategori Alam Melayu, setiap negara yang dalam kategori ini iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand akan diwakili oleh dua orang peserta dan bagi kategori antarabangsa hanya seorang peserta dibenarkan untuk satu negara.

Sementara itu, untuk kategori pelajar antarabangsa di Malaysia, kategori itu terbuka kepada semua pelajar yang melanjutkan pengajian di mana-mana pusat pengajian tinggi di negara ini dengan syarat mereka mengambil bahasa Melayu secara elektif atau mampu menguasai bahasa tersebut dengan baik.

Pertandingan itu dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Majlis Debat Universiti Malaysia (Madum) dan Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (Makum).

Inilah serba sedikit tentang pertandingan PABM yang telah dianjurkan sejak 2007 dan apa yang istimewanya pertandingan pidato itu pada tahun ini adalah penganjurannya untuk edisi kali yang ke-10.

Mungkin ramai yang tidak mengetahui PABM adalah cetusan ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang bertujuan memperkukuhkan kedudukan dan memartabatkan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

Berdasarkan rekod pertandingan iaitu sehingga PABM edisi kesembilan sebanyak 521 peserta telah menyertainya (2007 hingga 2015).



ISTERI Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor (tengah), Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Ir. Zaini Ujang bersama peserta PABM 2015 semasa majlis meraikan mereka di Seri Perdana, Putrajaya, 3 Ogos tahun lalu - BERNAMA



Angka itu tidak termasuk jumlah peserta yang bertanding pada tahun ini.

Tidak boleh dinafikan, PABM adalah bukti bahawa bahasa Melayu adalah salah satu bahasa yang terkenal dan mampu dituturkan dengan baik oleh masyarakat antarabangsa tidak kira dari mana mereka berasal.

Mungkin selama ini banyak pihak beranggapan bahawa bahasa Melayu sekadar bahasa rasmi dan pertuturan setakat di Nusantara sahaja seperti Malaysia dan Indonesia namun PABM berjaya membuktikan sebaliknya.

Siapa sangka rakyat Arab Saudi, Rusia, Amerika Syarikat, Australia, Afrika Selatan, Belanda, Belgium, Perancis, Jepun, Kazakhstan, China, Mexico dan banyak lagi negara yang mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik melalui penyertaan mereka dalam PABM. Bukan setakat

bertutur malah mampu menjadi pemedato yang baik.

Inilah impak penganjuran PABM sejak dianjurkan sepuluh tahun yang lalu. Ada juga di antara alumni PABM kembali ke negara ini untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang bahasa Melayu contohnya Olga Vadimovna Vasilevskaya dari Rusia yang menjadi johan PABM edisi pertama (2007). Dia kini sedang menyambung pengajian di peringkat sarjana di negara ini. Tidak kurang jumlahnya yang bekerja sebagai atase di kedutaan masing-masing di Malaysia atas faktor penguasaan mereka terhadap bahasa Melayu.

Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya Majlis Profesor Negara, **Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong** ketika diminta mengulas penganjuran PABM buat edisi ke-10 turut mengakui kejayaan pertandingan pidato itu mempopularkan lagi bahasa Melayu di persada dunia.

Beliau berkata, ketika ini bahasa Melayu berada pada kedudukan kelima bahasa paling besar penggunaannya di dunia. Dari segi jumlah penutur, Kok Seong menganggarkannya antara 300 juta hingga 350 juta orang dan kebanyakannya berada di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Selatan Thailand.

"Dalam konteks akademik pula,

sebanyak 100 buah universiti seluruh dunia ada membuat kajian tentang bahasa Melayu seperti universiti di China, Jepun, Amerika Syarikat dan Korea Selatan," katanya baru-baru ini.

Katanya lagi, ini menunjukkan bahasa Melayu ada kekuatannya tersendiri yang berjaya menarik minat pengkaji-pengkaji bahasa untuk melihat dengan lebih mendalam keunikan bahasa Melayu ini khususnya di Malaysia.

Berbalik kepada PABM 2016, pertandingan peringkat akhir akan diadakan pada 25 Mac ini (Jumaat), pukul 8.20 malam di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan akan siarkan secara langsung di TV2 Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Utusan Online. Perdana Menteri dijangka menyempurnakan majlis perasmian pertandingan akhir itu dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Johan bagi setiap kategori akan menerima piala pusingan Perdana Menteri, piala iringan, wang tunai RM20,000, hadiah iringan dan sijil. Naib johan (setiap kategori) akan menerima piala iringan, wang tunai RM12,000, hadiah iringan dan sijil manakala tempat ketiga (setiap kategori) akan menerima piala iringan, wang tunai RM8,000, hadiah iringan dan sijil.